

TERMA RUJUKAN

Kitaran	Permohonan dibuka	Permohonan ditutup	Keputusan diumumkan	Taklimat berkenaan perjanjian	Inisiatif bermula
2	27 April 2021	27 Mei 2021	27 Jun 2021	2-4 minggu	Ogos 2021 dan seterusnya

PROGRAM PEMBIAYAAN KARYA KILAT CENDANA

Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA ("Program") bertujuan menyokong aktiviti dan operasi artis, kolektif dan organisasi seni Malaysia semasa krisis kesihatan awam COVID-19 menerusi geran tindak balas segera sebanyak RM 1,500 untuk individu dan RM 3,500 untuk organisasi/ kolektif seni

Matlamat Program ini adalah untuk memupuk dan menyokong perkembangan artistik dan pembentangan idea-idea yang imaginatif walaupun dihadapi dengan kekangan yang disebabkan oleh COVID-19. Ia juga memberikan satu peluang bagi penggiat-penggiat seni tempatan untuk menyesuaikan amalan seni mengikut keadaan semasa, meneroka cara baru dalam menghasilkan karya seni dan bereksperimen dengan bentuk/idea baru.

Penggiat bidang seni persembahan, seni visual, muzik independent dan kraf dialu-alukan untuk memohon dengan syarat sebuah penghasilan akhir digital ("hasil kerja yang lengkap") dikemukakan kepada CENDANA. Projek-projek pelbagai disiplin (*interdisciplinary*) juga digalakkan selagi tumpuan utama projek adalah mengikut bidang seni sepertimana yang tertera di bawah. Tempoh projek adalah tidak melebihi lapan (8) minggu.

Program Pembiayaan Karya Kilat menyokong pembikinan:

- Idea yang mempunyai penghasilan akhir dalam bentuk digital yang boleh digunakan oleh CENDANA pada masa akan datang melalui platform digital kami dan untuk tujuan promosi (hak milik akan kekal dengan pencipta/pemohon/artis dan akan dikreditkan pada setiap masa).
- Idea yang boleh dibentangkan dengan pelbagai cara yang berbeza/unik yang membolehkan penggiat seni berkarya dan berinteraksi dengan penonton tempatan dan antarabangsa sepanjang krisis pandemik COVID-19. Contoh penghasilan akhir adalah seperti dan tidak terhad kepada penceritaan melalui video, podcast, fail audio, video siaran langsung Facebook atau Instagram (dimana ianya boleh disimpan), kandungan video, penstriman, atau lain-lain bentuk digital di mana-mana platform digital yang berkaitan.
- Idea yang dibentangkan adalah disyorkan untuk berdurasi minimum dua belas (12) minit untuk individu dan dua puluh (20) minit minimum untuk organisasi/ kolektif seni. Individu boleh juga membentangkan tiga (3) video yang berdurasi empat (4) minit setiap satu dan kolektif/organisasi seni boleh membentangkan dua (2) video yang berdurasi sepuluh (10) minit setiap satu. Format akhir yang dipilih adalah terpulang kepada pemohon.

Projek yang dicadangkan mestilah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan dan larangan berkumpul yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau dalam persekitaran yang telah ditetapkan dan ditakrifkan oleh kerajaan, contohnya, penjarakan sosial.

SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON?



TERMA RUJUKAN

Oleh sebab sumber yang terhad, CENDANA akan memberi keutamaan pembiayaan kepada artis berpendapatan rendah dan/atau organisasi seni kecil dan sederhana dimana perniagaan utama adalah dalam sektor seni, di ruang kecil dan sederhana (<500 pax) dan di ruang awam.

- Individu yang berwarganegara Malaysia atau organisasi tempatan yang berdaftar, yang mempunyai penglibatan aktif dan pengalaman profesional sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam sektor seni budaya Malaysia;
- Artis, kolektif dan organisasi tempatan yang bergiat dalam sektor seni persembahan, seni visual dan muzik independen yang bergantung kepada pertunjukan, pameran, produksi dan perkhidmatan lain dalam sektor seni sebagai sumber pendapatan utama;
- Artis, kolektif dan organisasi tempatan yang bergiat dalam sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf dimana aktiviti perniagaan dijalankan di dalam ruang kecil dan sederhana (<500orang) dan di ruang awam;
- Mestilah menetap dan bergiat di Malaysia.

Kriteria tambahan untuk penggiat seni individu

- Individu yang mungkin tidak mendapat manfaat daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kriteria tambahan untuk organisasi seni

- Organisasi seni Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia mesti melampirkan sijil pendaftaran yang sah.

Contoh-contoh jenis Organisasi Seni (contoh-contoh adalah tidak terhad kepada senarai dibawah)

Seni Persembahan	Seni Visual	Muzik Independen	Kraf
<ul style="list-style-type: none"> • Ruang/ tempat persembahan independen; • Syarikat/ kumpulan produksi; • (cth: tarian, teater, muzik dll); • Perkhidmatan kepada sektor (cth: khidmat teknikal/ produksi, kerja perantaraan, khidmat pentadbiran seni dsb.) 	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang pameran seni alternative/ independen; • Ruang artis/kolektif seni; • Perkhidmatan kepada sektor (cth: konservasi/restorasi, servis pembikinan, kerja perantaraan dsb.) 	<ul style="list-style-type: none"> • Studio rakaman/bunyi independen; • Syarikat pembekalan alat muzik/ perkakasan teknologi (tunjang utama perniagaan adalah terhadap acara berskala kecil) 	<ul style="list-style-type: none"> • Artisan, pembuat kraf, pengeluar; kolektif dan organisasi • Perkhidmatan kepada sektor (cth: pemeliharaan warisan, inovasi dsb.)

SIAPAKAH YANG TIDAK LAYAK MEMOHON?

TERMA RUJUKAN

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika:

- i) Anda memohon sebagai kumpulan/kolektif/organisasi/persatuan yang
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - menjalankan aktiviti utama yang bukan dalam bidang seni;
 - menjalankan aktiviti yang tidak termasuk di dalam bidang / sektor mandat CENDANA;
 - tidak memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan;
 - pernah/masih menerima pembiayaan di bawah Program Pembiayaan Karya Kilat;
 - telah dibubarkan atau telah diisytiharkan bankrap atau sedang atau bakal menjalani prosiding kebangkrapan.

- ii) Anda seorang individu yang
 - menghasilkan kerja seni yang tidak termasuk di dalam bidang/ sektor mandat CENDANA;
 - tidak memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan;
 - menjalankan aktiviti utama yang bukan dalam bidang seni;
 - pernah/masih menerima pembiayaan di bawah Program Pembiayaan Karya Kilat sebagai pemohon utama/penandatangani perjanjian;
 - diisytiharkan bankrap atau sedang atau bakal menjalani prosiding kebangkrapan.

SEKTOR YANG LAYAK

Program ini menyokong penggiat seni dan organisai seni dari sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf sepertimana yang ditakrifkan seperti di bawah:

Contoh-contoh jenis subsektor di bawah setiap bentuk seni (contoh-contoh adalah tidak terhad kepada senarai dibawah)			
Seni Persembahan	Seni Visual	Muzik Independen	Kraf
<ul style="list-style-type: none"> • Seni tradisional dan kontemporari termasuk: <ol style="list-style-type: none"> i. teater ii. tarian iii. muzik (cth. koir, permainan alat muzik, persembahan berkumpulan dan lain-lain) 	<ul style="list-style-type: none"> • Seramik • Lukisan • Catan • Ukiran • Cetakan • Rekabentuk • Fotografi • Seni instalasi • Seni multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik yang dihasilkan secara persendirian/ individu - tidak dihasilkan oleh rekod label terkemuka atau milik anak syarikat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kraf • Tekstil tradisional • Seni kerja manik • Tenunan • Seramik • Kerja kayu • Seni kerja logam • Seni tradisional • Prop dan instrumen • Kasut hasil buatan tangan

BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MEMOHON?

TERMA RUJUKAN

- Anda boleh mengemukakan permohonan pembiayaan melalui sistem pengurusan geran melalui laman sesawang CENDANA di www.cendana.com.my . Penyerahan yang dibuat melalui cara lain, seperti melalui e-mel, salinan asal/kertas, **TIDAK** akan diterima.
- Sila sertakan cadangan projek dalam format Word, PDF atau PowerPoint (maksimum dua muka surat). Serahan lakaran juga diterima asalkan dilaksanakan atau digambarkan dengan baik dan jelas.
- Kami mengalu-alukan idea yang menyumbang terhadap kepelbagaian ekspresi seni budaya dan mempromosikan kesenian Malaysia dan bakat tempatan.

APAKAH YANG AKAN MENJEJASKAN PELUANG PERMOHONAN ANDA?

Sekiranya pemohon menghantar lebih dari satu (1) permohonan di dalam satu kitaran pembiayaan yang sama, hanya satu yang akan diterima, jika layak.

Permohonan yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang mencukupi semasa penyerahan akan menjadikan permohonan tersebut sebagai tidak lengkap dan **TIDAK** akan dinilai. Senarai dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

Individu/Kolektif/Kumpulan/Band	Organisasi
1) Salinan Kad Pengenalan (IC) - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama	1) Salinan sijil pendaftaran organisasi/perniagaan berserta maklumat pemilik. Borang 9, Borang 24 atau 49 SSM, surat kebenaran (sekiranya perlu).
2) Profil artis individu/kolektif/kumpulan/band yang lengkap menunjukkan penglibatan aktif di dalam sektor seni budaya Malaysia selama dua (2) tahun	2) Salinan kad pengenalan pemohon utana dan pemilik/pengarah/pengerusi organisasi/perniagaan - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama
3) Cadangan projek (format Word, PDF, PowerPoint, dsb)	3) Profil kolektif/kumpulan/band organisasi yang terlibat yang lengkap menunjukkan penglibatan aktif di dalam sektor seni budaya Malaysia selama dua (2) tahun
	4) Cadangan projek (format Word, PDF, PowerPoint, dsb)
<p><i>Peringatan: Bagi pemohon kolektif/kumpulan/band yang berdaftar dan ingin menerima dana melalui akaun rasmi, sila hantarkan permohonan di bawah kategori Organisasi.</i></p> <p><i>Sekiranya anda tidak pasti kategori apa yang bersesuaian dengan anda, sila maklumkan kepada kami melalui emel di grants@cendana.com.my</i></p>	

TERMA RUJUKAN

Nota Berkaitan Garis Panduan Program Pembiayaan Karya Kilat

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak :


- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

APAKAH PROSES SETERUSNYA SELEPAS ANDA MENGHANTAR PERMOHONAN?

- Selepas tarikh permohonan ditutup, semua permohonan akan disemak untuk memastikan permohonan memenuhi kriteria kelayakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Permohonan yang disenaraipendek akan disemak dan diluluskan oleh **Pihak Pengurusan**
- Semua maklumat dan kertas cadangan yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit.

Pemberitahuan hasil penilaian akan dihantar melalui pengesahan e-mel dalam masa empat (4) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

TERMA RUJUKAN



APAKAH YANG AKAN BERLAKU SELEPAS PERMOHONAN DINILAI?

PEMOHONAN YANG BERJAYA

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan pembiayaan yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat **Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA**;
- Hasil kerja digital yang dicadangkan.

Tawaran **Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA** hanya **sah selama tiga puluh (30) hari** dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

TERMA RUJUKAN

PERMOHONAN YANG TIDAK BERJAYA

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel secara rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

RAYUAN

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

BAGAIMANAKAH ANDA AKAN MENERIMA PEMBIAYAAN?

- Sekiranya anda berjaya, anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda dan keadaan terkini dalam kawalan pergerakan) untuk mengesahkan syarat dan pembiayaan bersyarat tersebut.
- Jumlah yang diluluskan akan dibiaya secara **dua (2) peringkat**.
- Pembiayaan tersebut akan dikreditkan ke akaun bank anda atau organisasi anda yang diiktiraf (bagi pemohon individu, atau kolektif/kumpulan/band yang tidak berdaftar adalah melalui akaun bank peribadi pemohon utama.). Struktur pembayaran Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA untuk jumlah pembiayaan adalah seperti berikut:

Peringkat 1: Selepas Menandatangani Perjanjian	Peringkat 2: Borang Tinjauan CENDANA dan Serahan Lain
Pembayaran pertama (50% dari jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.	Pembayaran akhir (baki 50% dari jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA dan serahan lain: <ul style="list-style-type: none"> • Borang Tinjauan CENDANA secara atas talian (termasuk data seperti jumlah tontonan, kongsi, komen, dsb); • Sesalinan digital penghasilan akhir digital projek; • Bukti bayaran kepada ahli projek yang terlibat (hanya untuk pemohon kolektif/kumpulan/band dan organisasi sahaja)

TERMA RUJUKAN



APAKAH YANG DIHARAPKAN DARI PEMOHON YANG TELAH BERJAYA?

- Menyerahkan sesalinan hasil digital yang telah dihasilkan dalam tempoh lapan (8) minggu selepas perjanjian ditandatangani;
- Hasil digital yang dicadangkan mestilah hasil digital yang belum dimuatnaik dan disiarkan dimana-mana platform lagi.;
- Penghasilan akhir mestilah dimuatnaik dan dikongsi di platform digital yang relevan dan adalah terbuka bagi tatapan umum.;
- Penghasilan akhir yang dimuatnaik juga perlulah disertakan dengan #CENDANACreateNow dan #CENDANAMalaysia di platform digital yang berkaitan;
- Logo PRISMA-CENDANA perlulah diletakkan di dalam hasil digital (mengikut kesesuaian) berpandukan garis panduan yang ditetapkan;
- Harus memastikan semua penghasilan akhir telah mematuhi garis panduan Program;
- Menyerahkan bukti pembayaran kepada semua pihak yang terlibat bagi permohonan yang melibatkan lebih daripada seorang individu bagi penerima kolektif/band/kumpulan yang tidak berdaftar di bawah SSM atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia;
- Mengemukakan laporan akhir secara atas talian selepas satu (1) minggu penyerahan akhir kepada CENDANA.

CENDANA merizab hak untuk menarik balik tawaran sekiranya:-

- Terdapat sebarang perubahan kepada projek tanpa sebarang makluman dan kelulusan daripada pihak CENDANA;
- Menjejaskan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Projek tidak dapat disiapkan mengikut cadangan yang telah dihantar semasa permohonan;
- melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA.

TERMA RUJUKAN

SIAPAKAH YANG BOLEH ANDA HUBUNGI JIKA ANDA MEMPUNYAI PERTANYAAN?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan emel ke grants@cendana.com.my untuk menetapkan temujanji.

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my